

**THE ROLE OF LINGUISTICS IN EVALUATING HADITH NARRATORS:
UNDERSTANDING THE IMPLICIT MEANINGS OF THE TERMS AL-JARĤ WA AL-
TA'DĪL**

**PERANAN BAHASA DALAM MENILAI PERAWI HADIS: MEMAHAMI MAKSUD
TERSIRAT PERKATAAN AL-JARĤ WA AL-TA'DĪL**

Mohamad Hafiz Darpenⁱ & Farhan Hasmadyⁱⁱ

ⁱ. (*Corresponding author*). Pensyarah, Jabatan Al-Sunnah Wa 'Ulumih, Fakulti Al-Quran dan Sunnah Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin. hafizdarpen@kuips.my

ⁱⁱ. Pensyarah, Bahagian Pembangunan Mahasiswa, Malaysian Institute of Information Technology, Universiti Kuala Lumpur. farhan.hasmady@unikl.edu.my

Article Progress

Received: 15 Julai 2025

Revised: 15 August 2025

Accepted: 28 August 2025

Abstract	<p><i>This study focuses on a critical issue within the science of hadith, namely the discipline of al-Jarĥ wa al-Ta'dīl, particularly concerning certain terms that cannot be understood literally according to common Arabic usage. In the context of hadith studies, these words are used specifically to evaluate the credibility or status of hadith narrators. However, literal interpretation of such terms often leads to confusion. This confusion arises due to the divergence between the technical meanings applied in hadith criticism and their general meanings in everyday Arabic. The objective of this research is to analyse selected terms in al-Jarĥ wa al-Ta'dīl which carry specialised meanings within the hadith context, and to examine how hadith scholars have utilised and interpreted these terms. The study also assesses the impact of these terminologies on the acceptance or rejection of hadith transmissions. To achieve these aims, a qualitative approach is employed, analysing both primary and secondary sources in the discipline of Muṣṭalaĥ al-Ĥadīth. The findings indicate that many terms within al-Jarĥ wa al-Ta'dīl possess specialised meanings that are not aligned with their literal definitions. Therefore, accurate comprehension of these technical terms is essential to ensure that hadith evaluations are both precise and scholarly. The implications of this research underscore the importance of mastering specialised terminology in hadith sciences in order to safeguard the authenticity of narrations and preserve the integrity of hadith scholarship.</i></p> <p>Keywords: <i>al-Jarĥ and al-Ta'dīl, Science, Hadith, Arabic, Narrators.</i></p>
Abstrak	<p><i>Kajian ini berfokus kepada permasalahan dalam ilmu hadith iaitu ilmu al-jarĥ wa al-ta'dīl, khususnya mengenai perkataan-perkataan tertentu yang tidak boleh difahami secara literal mengikut makna bahasa Arab biasa. Dalam ilmu hadis, perkataan ini digunakan secara khusus bagi menilai kredibiliti atau kedudukan seorang perawi hadis, namun tafsiran secara harfiah sering kali mengundang kekeliruan. Hal ini berlaku akibat perbezaan antara makna istilah dalam konteks hadis dengan maksud asal dalam bahasa harian. Objektif</i></p>

kajian ini adalah untuk menganalisis perkataan-perkataan dalam al-jarḥ wa al-ta'dīl yang membawa makna tersendiri dalam konteks hadis, serta meneliti bagaimana para ulama hadis menggunakannya. Kajian ini juga menilai impak perkataan-perkataan tersebut terhadap penerimaan atau penolakan sesuatu hadis. Bagi mencapai objektif ini, pendekatan kualitatif digunakan dengan menganalisis sumber-sumber utama dan sekunder dalam ilmu mustalah hadis. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perkataan-perkataan dalam ilmu al-jarḥ wa al-ta'dīl yang memiliki makna khusus yang tidak selari dengan makna literal. Justeru, pemahaman yang tepat terhadap istilah ini amat penting agar penilaian hadis lebih tepat dan bersifat ilmiah. Implikasi kajian ini menekankan kepentingan memahami istilah khusus dalam ilmu hadis bagi memastikan riwayat kekal sahih dan ilmu hadis terus terpelihara.

Kata kunci: *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, Ilmu, Hadis, Bahasa Arab, Perawi.*

PENDAHULUAN

Bahasa Arab bukanlah sesuatu yang asing dalam kalangan umat Islam. Sejak sekian lama, umat Islam di pelbagai tempat telah berusaha mempelajari bahasa ini sebagai sebahagian daripada keperluan dalam memahami ajaran agama. Proses pembelajaran bahasa Arab lazimnya bermula seawal peringkat pra sekolah dan berterusan hingga ke peringkat pengajian tinggi, mencerminkan kepentingannya dalam kehidupan beragama dan keilmuan umat Islam (Aprizal, 2021).

Penguasaan bahasa Arab merupakan asas yang tidak dapat dipisahkan dalam usaha memahami teks-teks suci Islam, khususnya al-Qur'an dan hadis, yang diturunkan dalam bahasa Arab yang tinggi dari segi kehalusan makna dan keindahan gaya bahasa. Bahasa Arab bukan sekadar medium penyampaian, tetapi mengandungi dimensi semantik yang mendalam, dengan pelbagai lapisan makna yang hanya dapat difahami melalui pendekatan linguistik yang tepat.

Oleh sebab itu, penerjemahan semata-mata tidak mampu menyampaikan keseluruhan maksud asal teks, apatah lagi nuansa hukum dan konteks yang terkandung di dalamnya. Tanpa penguasaan bahasa ini secara menyeluruh, seseorang penuntut ilmu akan berdepan kesukaran dalam menangkap maksud sebenar dan ruh ajaran Islam sebagaimana yang dimaksudkan oleh nas asal. Hal ini lebih ketara dalam bidang-bidang khusus seperti ilmu hadis, yang menuntut ketelitian dalam memahami istilah teknikal dan penggunaan bahasa oleh para ulama silam (Ardiasyah, 2025).

Menurut Hamid, et al. (2023), Setiap bahasa memiliki kaedah dan sistem tersendiri yang perlu difahami dan dikuasai bagi mengelakkan kesilapan dalam pertuturan mahupun penulisan. Antara aspek paling asas yang menjadi tunjang kepada penguasaan sesuatu bahasa ialah pemahaman terhadap struktur tatabahasa yang membentuk kerangka penyampaian makna. Tanpa penguasaan yang kukuh terhadap tatabahasa, seseorang penutur atau penulis berisiko menyampaikan maksud yang salah, kabur, atau bahkan bertentangan dengan maksud asal.

Dalam konteks bahasa Arab, hal ini menjadi lebih penting kerana kehalusan struktur bahasa tersebut memainkan peranan besar dalam penyampaian hukum, nilai, dan maksud syariat, terutamanya dalam bidang ilmu hadis dan tafsir. Tambahan lagi, Bahasa Arab mempunyai kedudukan yang amat signifikan dalam disiplin *al-Fiqh* (الفقه), kerana ia merupakan antara kunci utama dalam memahami ajaran Islam secara menyeluruh (Muda, 2017).

Manakala ilmu Hadis, ianya merupakan sumber kedua dalam perundangan Islam selepas al-Qur'an. Disebabkan kepentingannya yang besar dalam menetapkan hukum syarak dan kefahaman agama, para ulama telah memberikan perhatian yang serius dalam memastikan setiap hadis yang diriwayatkan adalah sahih dan boleh dipercayai. Bagi mencapai tujuan ini, pelbagai cabang ilmu hadis telah dibentuk dan disusun secara sistematik oleh para sarjana Islam. Antara cabang ilmu yang paling penting ialah ilmu *al-*

Jarh wa al-Ta'dil, iaitu ilmu yang membincangkan kredibiliti perawi hadis, bagi menentukan sama ada sesuatu riwayat boleh diterima secara langsung, diterima dengan sokongan, atau ditolak. Ramai ulama hadis telah mengupas dan menghuraikan ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil*, dan tidak dapat dinafikan bahawa setiap daripada mereka mempunyai pendekatan dan kaedah tersendiri dalam melakukan penilaian terhadap perawi (Azlan, et al, 2024).

Oleh itu, mempelajari dan memahami ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* menuntut penguasaan bahasa Arab yang bukan sahaja terbatas kepada kefahaman asas, bahkan merangkumi penghayatan terhadap istilah-istilah yang digunakan oleh para ulama hadis. Istilah seperti *thiqah*, *matruk*, *saduq*, dan *da'if* tidak boleh difahami hanya berdasarkan makna kamus, kerana penggunaannya dalam konteks ilmu hadis membawa maksud yang khusus dan tersendiri. Kesilapan dalam menafsirkan istilah-istilah ini boleh memberi kesan besar terhadap penilaian sesuatu riwayat, seterusnya mempengaruhi penerimaan atau penolakan sesebuah hadis (Dutsima, 2025).

Justeru, kefahaman terhadap makna istilah dalam kerangka ilmu hadis memerlukan ketelitian, serta pemahaman yang mendalam terhadap cara ulama menilai dan menghuraikan sifat perawi. Ini membuktikan bahawa bahasa memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan ketepatan dan kesahihan dalam bidang ini.

SOROTAN LITERATUR

Penulis membahagikan kajian lepas kepada dua bahagian:

Pengaruh Bahasa Dalam Aspek kehidupan

Kedatangan Islam telah memberi kesan yang amat besar terhadap perkembangan bahasa Arab, terutama dari sudut kedudukan dan pengaruhnya dalam masyarakat. Penurunan al-Quran dalam bahasa Arab menjadikan bahasa ini semakin dihormati dan diberi perhatian oleh pelbagai kelompok, termasuk mereka yang bukan penutur aslinya.

Penyebaran Islam yang meluas ke luar Semenanjung Tanah Arab telah membawa bahasa Arab ke wilayah-wilayah baharu, sekali gus memperkenalkannya kepada masyarakat yang sebelum ini tidak memiliki hubungan langsung dengannya. Bahasa Arab kemudiannya berkembang daripada peranan asalnya sebagai bahasa ibadah kepada peranan yang lebih luas, iaitu sebagai bahasa utama dalam penyampaian ilmu, pendidikan, serta budaya sepanjang era kegemilangan tamadun Islam (Gajah, et al. 2023).

Tambahan lagi, gerakan penterjemahan besar-besaran turut memainkan peranan penting dalam memperkukuh kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa ilmu. Usaha terjemahan karya-karya asing ke dalam bahasa Arab, terutamanya dari tamadun Yunani, Parsi dan India, telah mendorong para sarjana Islam untuk mengembangkan kemahiran dan pengetahuan mereka dalam pelbagai bidang. Melalui penguasaan bahasa Arab, masyarakat Islam bukan sahaja dapat memahami serta memajukan ilmu pengetahuan, malah turut menyebarkan ke wilayah lain. Hasil daripada perkembangan ini, manfaat ilmu tidak hanya dinikmati oleh masyarakat di Timur Tengah, bahkan melangkaui sempadan geografi hingga memberi kesan kepada masyarakat Barat yang kemudiannya turut menerima limpahan khazanah keilmuan Islam (Salim, 2015).

Menurut Zin, et al. (2019), persiapan dari segi mental dan emosi, disertai dengan kaedah pembelajaran yang tepat serta sokongan persekitaran yang baik, amat penting dalam membantu pelajar menguasai ilmu Ulum Hadis dengan lebih berkesan. Tanpa keseimbangan ini, proses memahami perbincangan hadis yang bersifat teknikal dan mendalam akan menjadi lebih sukar.

Bahasa Arab telah dipilih sebagai bahasa pengantaraan wahyu yang ditujukan kepada seluruh umat manusia, melangkaui batas etnik dan geografi. Pemilihan ini bukan secara kebetulan, sebaliknya memperlihatkan aspek ketepatan linguistik dan kekuatan ekspresif Bahasa Arab. Menurut Muhammad (2005), penelitian yang mendalam terhadap bahasa ini memperlihatkan rahsia pemilihannya sebagai bahasa al-Qur'an. Kajian-kajian yang dilakukan oleh para sarjana bahasa dari pelbagai sudut, khususnya dalam bidang

linguistik, telah membuktikan keunikan dan keistimewaan Bahasa Arab yang tidak terdapat pada bahasa-bahasa lain.

Kajian yang dijalankan oleh Azwani & Mustapa (2023) mendapati bahawa penggunaan kata-kata serapan daripada bahasa Inggeris dan Perancis dalam bahasa Arab moden bukan sahaja memperluas khazanah kosa kata, malah turut memberi kesan terhadap struktur ayat dan gaya pertuturan dalam kalangan penutur bahasa Arab. Fenomena ini memberi cabaran kepada para pengamal bahasa Arab dan pendidik dalam memastikan keseimbangan antara usaha memperkayakan bahasa dan memelihara keasliannya agar terus relevan dan utuh sebagai bahasa ilmu dan agama.

Menambah lagi, sebab utama para ulama terlibat dalam disiplin ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* ialah, bagi menyucikan sumber kedua dalam Islam, iaitu hadis Nabi Muhammad ﷺ yang mulia. Kajian ini turut memberikan analisis kritikal terhadap metodologi dan aplikasi ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil*, serta menekankan kepentingannya dalam memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan ilmu Islam. Selain itu, kajian ini juga menelusuri perkembangan sejarah ilmu tersebut, prinsip-prinsip asas serta konsep-konsep utama yang mendasarinya, di samping mengetengahkan kaitannya dengan wacana keilmuan Islam kontemporari.

Hasil kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam terhadap ilmu kritik hadis (*ilm naqd al-hadith*) dan peranannya dalam memelihara keutuhan serta kesahihan ilmu Islam. Makalah ini akhirnya merumuskan bahawa tujuan utama ilmu ini bukanlah untuk mencela atau mengaibkan para perawi secara sembarangan, tetapi digerakkan oleh matlamat yang mulia, iaitu bagi memastikan ketulenan riwayat dan menjaga kesucian ajaran Rasulullah ﷺ daripada sebarang bentuk penyelewengan atau pemalsuan.

Sejarah dan Kepentingan ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil*

Ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* merupakan satu disiplin yang muncul sejak zaman Rasulullah ﷺ dan terus berkembang secara progresif dalam kalangan generasi *Ṣaḥābah*, *Tābi'īn* serta *Tābi' al-Tābi'īn*, bahkan berterusan hingga ke era seterusnya. Disiplin ini berfungsi sebagai suatu pendekatan analitikal yang berstruktur dan berpaksikan objektiviti ilmiah dalam menilai sanad hadis.

Secara khusus, *al-Jarh wa al-Ta'dil* bertindak sebagai kaedah penyelidikan yang digunakan untuk menilai kualiti perawi melalui penentuan tahap keadilan dan ketepatan hafalan mereka, bagi memastikan kesahihan sesuatu riwayat. Kaedah ini berperanan sebagai instrumen penting dalam menganalisis dan menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan kekuatan atau kelemahan sanad, serta menentukan tahap penerimaan atau penolakan sesuatu hadis. Justeru, penerapan ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* tidak hanya menjadi asas kepada proses pengesahan riwayat, malah menjadi mekanisme utama dalam usaha menjaga integriti dan ketulenan sumber kedua dalam Islam, iaitu hadis Nabi Muhammad ﷺ (Tangngngareng, et al 2021).

Menurut (Afif, 1995), Ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* muncul dan berkembang selari dengan perkembangan tradisi periwayatan hadis dalam Islam, memandangkan keabsahan sesebuah hadis bergantung kepada keadaan dan integriti perawinya. Dalam hal ini, para ulama hadis menjalankan kajian menyeluruh terhadap latar belakang kehidupan perawi, termasuk aspek keilmuan, kekuatan daya ingatan, ketekunan dalam meriwayatkan hadis, serta rekod moral dan akhlak mereka. Pendekatan ini membolehkan para muḥaddithīn membezakan antara riwayat yang sahih dan riwayat yang diragui atau lemah berdasarkan piawai yang objektif dan sistematik. Justeru, ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* bukan sahaja berperanan sebagai mekanisme saringan terhadap periwayatan hadis, malah merupakan asas utama dalam usaha memelihara kesahihan dan keutuhan sumber kedua dalam Islam, iaitu hadis Nabi Muhammad ﷺ.

Oleh itu, Ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* merupakan satu disiplin penting dalam kajian ilmu hadis yang berfungsi menilai kredibiliti perawi melalui penentuan aspek-aspek kecacatan (*jarh*) serta keadilan dan ketepatan hafalan mereka (*ta'dil*) berdasarkan penggunaan istilah khusus yang telah ditetapkan oleh para ulama. Penilaian ini menjadi asas dalam

menentukan sama ada sesuatu riwayat boleh diterima (*maqbul*) atau ditolak (*mardud*). Tambah (Kharir, 2025), Ilmu *al-jarh wa al-ta'dil* bukan sekadar berfungsi sebagai alat untuk menilai sanad dan matan hadis, tetapi turut menjadi asas utama dalam pembentukan disiplin hadis yang bersifat objektif, telus dan berautoriti.

Penilaian terhadap perawi hadis tidak hanya bergantung pada kekuatan hafalan dan keadilan perawi, bahkan turut dipengaruhi oleh pendekatan dan gaya kritikan ulama yang menilai mereka. Dalam hal ini, Abū Ḥātim al-Rāzī dikenali sebagai tokoh yang sangat berhati-hati dan tegas dalam mengeluarkan penilaian terhadap perawi. Ketegasannya ini tidak boleh dilihat secara terpisah daripada metodologi yang diwarisi daripada generasi muḥaddithīn terdahulu.

Seperti yang dinyatakan oleh Jamilin (2017), ketelitian tokoh seperti Abū Ḥātim merupakan sebahagian daripada mekanisme penting dalam memastikan hanya riwayat yang benar-benar sahih diterima dan diangkat sebagai hujah dalam agama. Maka, memahami cara beliau menggunakan lafaz-lafaz penilaian, sama ada dalam bentuk pujian atau kritikan, menjadi kunci dalam menelusuri maksud sebenar sesuatu penilaian, sekali gus memberi kesan kepada status hadis yang diriwayatkan oleh perawi tersebut.

Kajian literatur ini menunjukkan bahawa lafaz-lafaz *al-Jarh wa al-Ta'dil* memainkan peranan yang signifikan dalam menentukan status penerimaan atau penolakan seseorang perawi dalam periwayatan hadis. Setiap lafaz yang digunakan tidak hanya bersifat literal, malah mengandungi mesej tersirat yang memberi implikasi berbeza terhadap penilaian perawi.

Namun begitu, penyelidikan yang lebih mendalam masih diperlukan untuk menyingkap makna-makna khusus yang terkandung dalam lafaz-lafaz tersebut, terutamanya apabila diungkapkan oleh tokoh-tokoh tertentu dalam disiplin ini. Kajian ini hanya memberi fokus terhadap beberapa lafaz terpilih yang dilihat membawa maksud yang berbeza daripada makna zahirnya, bergantung kepada konteks dan pendekatan ulama tertentu dalam memberikan penilaian. Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan hermeneutik atau pemahaman kontekstual amat diperlukan dalam menganalisis istilah-istilah *al-Jarh wa al-Ta'dil* secara lebih holistik.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang bersifat eksploratori dan deskriptif, yang dipilih bagi membolehkan penyelidik meneliti secara mendalam maksud serta penggunaan istilah-istilah dalam ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* sebagaimana yang digunakan oleh para ulama dalam karya-karya utama hadis dan rijal. Sumber data kajian diperoleh melalui kaedah analisis dokumen terhadap karya-karya utama seperti *Tahdhīb al-Kamāl* oleh al-Mizzi, *Tahdhīb al-Tahdhīb* oleh Ibn Ḥajar, *al-Kāmil fī Du'afā' al-Rijāl* oleh Ibn 'Adī, serta *Mizān al-'Iṭidāl* oleh al-Dhahabi, yang dipilih berdasarkan keautoritatifan dan pengaruhnya dalam bidang kajian perawi.

Data dianalisis secara kualitatif melalui pendekatan analisis kandungan dengan memfokuskan kepada beberapa istilah utama yang sering digunakan oleh ulama hadis dalam penilaian terhadap para perawi, seperti *thiqah*, *ṣadūq*, *matrūk*, *ḍa'if*, *dajjāl* dan lain-lain. Penekanan turut diberikan kepada aspek semantik bahasa Arab kerana perbezaan kecil dalam penggunaan lafaz dapat memberi makna yang berbeza dan mempengaruhi tahap penerimaan atau penolakan sesuatu riwayat.

Oleh itu, kajian ini tidak hanya menganalisis istilah secara literal, tetapi turut mengambil kira konteks penggunaannya dari sudut linguistik dan disiplin ilmu hadis. Skop kajian ini hanya tertumpu kepada istilah-istilah terpilih yang sering muncul dalam karya-karya rijal dan tidak melibatkan keseluruhan istilah yang wujud. Kajian ini juga tidak menilai keadilan atau kedhabitan perawi secara individu, sebaliknya hanya memberi tumpuan terhadap analisis bentuk dan makna istilah yang digunakan oleh para ulama dalam proses penilaian perawi.


DAPATAN KAJIAN

Dalam disiplin ilmu *al-jarh wa al-ta'dil*, penggunaan istilah memainkan peranan yang signifikan dalam menentukan kedudukan perawi dari sudut keadilan dan ketepatan hafalan. Istilah seperti *ṣaduq*, *layyin al-ḥadīth*, dan *laysa bi qawīyy* membawa makna yang tidak selalunya selari dengan makna literalnya dalam bahasa Arab umum. Sebaliknya, istilah-istilah ini berfungsi sebagai kod teknikal yang digunakan oleh para muḥaddithīn untuk menyampaikan penilaian tertentu yang telah disepakati secara tradisi. Kejelasan terhadap maksud sebenar istilah-istilah ini hanya dapat dicapai melalui penguasaan konteks penggunaannya dalam karya-karya *rijāl al-ḥadīth* (ilmu berkaitan biografi perawi). Hal ini menunjukkan bahawa bahasa dalam *al-jarh wa al-ta'dil* tidak bersifat umum, sebaliknya sarat dengan muatan metodologi yang berakar dalam tradisi keilmuan Islam.

Definisi ilmu al-jarh wa at'dil

Ilmu *al-Jarh wa al- Ta'dil* merupakan suatu ilmu yang membicarakan tentang penilaian terhadap para perawi hadis, sama ada dari sudut kritikan (*jarh*) atau pujian (*ta'dil*) menggunakan lafaz-lafaz tertentu, serta peringkat-peringkat bagi setiap lafaz tersebut. Ilmu ini tergolong dalam cabang ilmu *Rijal al-Hadith* (ilmu berkaitan biografi perawi), meskipun tidak disebut secara khusus oleh para pengarang kitab-kitab ilmu hadis yang membahagikan ilmu kepada pelbagai topik. Walau bagaimanapun, ilmu ini merupakan satu cabang yang sangat penting. Perbincangan tentang para perawi dari sudut kritikan dan keadilan mereka telah terbukti ada daripada Rasulullah SAW sendiri, diikuti oleh ramai dalam kalangan para sahabat, tabi'in dan generasi selepas mereka. Perbuatan ini diharuskan bukan untuk mencemarkan maruah seseorang, tetapi atas dasar ketelitian dan penjagaan terhadap kesucian syariat Islam (Abd Allāh, 1941).

Manakala lafaz-lafaz *al-jarh wa al-ta'dil*, para ulama menggunakan dua pendekatan dalam menilai, mengkritik atau memberi pujian kepada kepada perawi hadis iaitu penilaian berdasarkan lafaz-lafaz tertentu dan pergerakan anggota badan atau bahasa isyarat (Al-Abdul Latif, 2012).



Rajah 1: Pembahagian Kritikan (al-Jarh) Dan Pujian(al-Ta'dil) Dalam Ilmu Al-Jarh Wa Al-Ta'dil.

Sumber: Abdul Latif, A, M, (2012). Dawābiṭ al-Jarḥ wa al-Ta'dīl. Obeikan.

Dalam ilmu hadis, para ulama sejak dahulu telah menggunakan dua pendekatan untuk menilai perawi, ada yang menilai melalui lafaz secara langsung, dan ada juga yang memberi isyarat tertentu yang difahami dalam konteks disiplin ilmu hadis. Penggunaan lafaz lebih biasa ditemui, kerana ia memberikan gambaran yang lebih jelas sama ada seseorang perawi itu boleh dipercayai atau sebaliknya.

Ada lafaz yang sering digunakan, misalnya *thiqah* atau *ṣadūq*, yang menunjukkan pujian terhadap perawi. Sebaliknya, lafaz seperti *da'if* atau *matrūk* pula digunakan untuk menunjukkan kelemahan atau kecacatan tertentu. Tidak semua lafaz ini bersifat umum, ada juga istilah yang hanya digunakan oleh sebahagian ulama atau dalam kitab-kitab tertentu sahaja. Oleh itu, untuk memahami maksud sebenar sesuatu istilah, kita tidak boleh bergantung semata-mata pada terjemahan literal. Konteks, gaya penulisan ulama, dan latar tradisi keilmuan memainkan peranan penting dalam mentafsirkan maknanya. Inilah antara sebab kenapa ilmu *al-jarḥ wa al-ta'dīl* dianggap sebagai satu cabang yang halus, mendalam, dan memerlukan ketelitian yang tinggi.

Dalam kajian ini, penulis memilih beberapa lafaz sesuai dengan tajuk kajian ini seperti berikut dengan membahagikan lafaz yang berbentuk pujian(*al-Ta'dil*) dan lafaz berbentuk kritikan(*al-Jarh*) :-

Lafaz berbentuk pujian	Terjemahan Literal	Makna Istilah dalam <i>al-Ta'dīl</i> (pujian) secara umum
<i>Laa ba'sa bihi</i>	Tiada masalah padanya	Perawi sederhana, lebih rendah dari <i>thiqah</i> ; hadisnya diterima.
<i>Laisa bihi ba'sa</i>	Tiada cela padanya	Kadang bermaksud sederhana (<i>ṣadūq</i>), Hadisnya diterima.
<i>Syeikh</i>	Seorang syaikh	Martabat (perawi) yang hadithnya ditulis dan diperhatikan (hanya) untuk tujuan pertimbangan (<i>i'tibār</i>)
<i>Shaduq</i>	Sangat jujur	Penegasan tinggi terhadap sifat kejujuran (<i>ṣaduq</i>) perawi tersebut, yang menunjukkan perawi itu bukan sahaja dipercayai, bahkan sangat kuat sifat benar dan amanahnya dalam periwatan hadith.
<i>Yu'tabar hadisahu</i>	Riwayatnya dipertimbangkan	Digunakan untuk maklumat sokongan, bukan dalil hukum.
<i>Ṣāliḥ li al-Ḥadīth</i>	Sesuai untuk meriwayatkan hadis	Menjadi kebiasaan para ulama hadis apabila mereka menyebut seseorang itu ' <i>ṣāliḥ</i> ' secara umum, maka

		yang dimaksudkan ialah dari sudut agamanya (yakni berpegang pada agama dan jujur). Adapun jika yang dimaksudkan ialah kelayakan dalam bidang hadis (yakni dari aspek riwayat dan hafalan), maka mereka akan menyebutnya secara khusus dan mengaitkannya dengan hadis.
--	--	---

Rajah 2: Perkataan-Perkataan Yang Menunjukkan Pujian (*al-Ta'dil*)

Sumber: Abdul Latif, A, M, (2012). *Dawābiṭ al-Jarḥ wa al-Ta'dil*. Obeikan.

Lafaz berbentuk kritikan	Terjemahan Literal	Makna Istilah dalam <i>al-Jarḥ</i> (kritikan) secara umum
<i>Fi Hi Kalām</i>	Ada perbincangan	Mengisyaratkan kelemahan tersembunyi
<i>Fi Hi Nazar</i>	Padanya ada keraguan/pemerhatian	Melibatkan celaan terhadap kejujuran perawi kebiasaannya.
<i>Yuktab wa Lā Yuḥtajj</i>	Boleh dicatat, bukan hujah	Lemah, tidak sah dijadikan hujah hukum
<i>Yuktab Ḥadīthuh</i>	Hadisnya boleh ditulis	Tidak digunakan sebagai hujah, hanya direkod untuk maklumat atau sokongan riwayat
<i>Laisa bilqawi</i>	Bukan yang kuat	Perawi yang tidak kuat hafalan atau tidak stabil, hampir kepada lemah
<i>Ḥadisahu Munkar</i>	Hadisnya munkar	Riwayat seorang perawi yang lemah bertentangan dengan riwayat perawi <i>Thiqah</i> (Perawi yang lebih kuat)
<i>Fiihi Lin</i>	Padanya kelembutan	Isyarat kepada kelemahan perawi, bukan peringkat rendah tetapi tidak stabil hafalan
<i>Laisa bi Hujjah</i>	Bukan hujah	Tidak boleh dijadikan sandaran hukum. Umumnya <i>dha'if</i> .
<i>Dhaif Jiddan</i>	Lemah sangat	Istilah ini merujuk kepada satu bentuk penilaian terhadap perawi yang secara jelas menunjukkan bahawa perawi tersebut berada pada

		tahap kelemahan yang sangat serius
<i>Sakatu 'anhu</i>	Mereka mendiamkannya	Tiada kata pujian atau kritikan dari kalangan ulama <i>al-Jarh wa al-Ta'dil</i>
<i>Laisa bi Syai'</i>	Dia bukan apa-apa	Hadis perawi itu sedikit
<i>Kazzab</i>	Pendusta	Kritikan paling keras kerana perawi yang melakukan pendustaan ke atas Nabi Muhammad S.A.W.
<i>Wadha'</i>	Pemalsu	Perawi yang mereka menyebarkan hadis palsu secara terang.
<i>Dajjal</i>		Lafaz ini merupakan bentuk kecaman yang sangat berat terhadap perawi yang dianggap pemalsu hadis (<i>wāḍi' al-ḥadīth</i>) atau tidak ada kepercayaan langsung terhadap riwayatnya.

Rajah 3: Perkataan-Perkataan Yang Menunjukkan Kritikan (*al-Jarh*).

Sumber: Abdul Latif, A, M, (2012). *Dawābiṭ al-Jarḥ wa al-Ta'dil*. Obeikan.

Menurut catatan sejarah ilmu *al-jarḥ wa al-ta'dil*, antara tokoh yang memberikan perhatian besar terhadap pembahagian martabat penilaian perawi ialah Ibn Abī Ḥātim. Beliau telah menyusun tahap-tahap penilaian ini secara sistematik, sekali gus menjadi rujukan penting kepada generasi ulama selepasnya. Para sarjana kemudiannya mengikuti pendekatan ini dengan mengumpulkan lafaz-lafaz yang masyhur digunakan dalam kritik dan pujian terhadap perawi, serta mengklasifikasikannya ke dalam beberapa martabat.

Melalui penyusunan ini, darjat dan kedudukan setiap perawi dapat ditentukan dengan lebih jelas berdasarkan istilah-istilah khusus yang digunakan (Abdul Latif, 2012). Jadual di bawah menjelaskan salah satu kategori-kategori lafaz kritikan (*al-Jarh*) dan pujian (*al-Ta'dil*) di kalangan ulama *al-jarḥ wa al-ta'dil*:



Rajah 4: Martabat (*al-Jarh*) Dalam Ilmu *Al-Jarh Wa Al-Ta'dil* menurut imam al-Dhahabi

Sumber: Abdul Latif, A, M, (2012). *Ḍawābiṭ al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. Obeikan.

PENUTUP

Kajian ini menegaskan bahawa penguasaan bahasa Arab memainkan peranan penting dalam memahami istilah-istilah teknikal yang digunakan dalam ilmu *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. Istilah seperti *ṣadūq*, *lawayn*, atau *laysa bi shay'* tidak boleh difahami secara literal kerana penggunaannya dalam konteks ilmu hadis membawa makna yang khusus serta tersirat, yang telah ditentukan berdasarkan tradisi keilmuan para muḥaddithīn. Kesalahan dalam memahami istilah ini boleh mengakibatkan kesilapan dalam menentukan status sesuatu hadis, sama ada diterima, disokong, atau ditolak.

Selain itu, penilaian terhadap perawi hadis bukan sahaja bergantung pada lafaz semata-mata, tetapi juga bergantung pada konteks dan pendekatan tokoh yang mengungkapkannya. Oleh itu, analisis terhadap penggunaan istilah memerlukan penelitian terhadap struktur linguistik, semantik, dan tradisi penulisan dalam karya-karya *rijāl al-ḥadīth*. Kajian ini turut memperlihatkan bahawa ilmu *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* ialah suatu disiplin yang kompleks, teliti, dan berakar dalam semangat keilmuan yang objektif serta bertujuan menjaga keutuhan sumber kedua Islam iaitu hadis Rasulullah ﷺ.

Dengan itu, adalah wajar untuk menekankan keperluan pendekatan kontekstual dan hermeneutik dalam memahami istilah-istilah ini secara lebih mendalam, agar penilaian terhadap hadis dapat dilakukan secara adil, tepat dan berasaskan metodologi yang mapan.

Kesimpulannya, dapat difahami bahawa setiap lafaz yang digunakan dalam ilmu *al-jarḥ wa al-ta'dīl* tidak boleh difahami secara literal atau berdasarkan makna zahir semata-mata. Lafaz-lafaz tersebut membawa makna tersirat yang sering kali berbeza bergantung kepada konteks penggunaannya, serta siapa yang mengungkapkannya dalam kalangan para ulama.

Oleh itu, para pengkaji hadis perlu berhati-hati dan teliti dalam menilai setiap istilah yang berkaitan dengan kedudukan perawi. Penilaian yang tepat hanya dapat dicapai apabila maksud sebenar sesuatu lafaz difahami dalam kerangka ilmu hadis dan metodologi para muḥaddithīn. Hal ini amat penting kerana hadis-hadis Nabi Muhammad SAW merupakan sumber utama syariat Islam yang perlu dijaga dengan cermat daripada sebarang unsur yang boleh menimbulkan kekeliruan kepada umat.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setulus penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan artikel ini. Sekalung terima kasih diucapkan kepada Fakulti al-Quran dan as-Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRA), atas sokongan kewangan dan kemudahan yang diberikan sepanjang penulisan ini dijalankan.

Tidak dilupakan juga kepada para pensyarah, rakan penyelidik dan pihak yang terlibat secara tidak rasmi atas pandangan dan dorongan yang membantu menyempurnakan penulisan ini. Sebarang kekurangan yang terdapat dalam artikel ini adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya.

RUJUKAN

Buku

Abd Allāh, M., (1941). *Kashf al-Zunūn 'an Asāmī al-Kutub wa al-Funūn*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Beirut.

Abdul Latif, A, M, (2012). *Ḍawābiṭ al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. Obeikan.

Jurnal

Afif, A. D. (1995). Al-jarh Wa Al-ta'dil. *Alqalam*, 10(52), 24-30.

- Aprizal, A. P. (2021). Urgensi pembelajaran bahasa Arab dalam pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Guru*, 2(2).
- Ardiasyah, M. N. (2025). Peranan Bahasa Arab Dalam Memahami Al-Qur'an Dan Hadist Melalui Dauroh Pengambilan Sanad Al-Qur'an, Hadits, Matan Tajwid Kitab Tuhfatul Atfal Dan Jazariyyah Di Pondok Pesantren Royatul Qur'an. *Jurnal Pengabdian kepada Masyarakat*, 4(2), 34-47.
- Azlan, U., & bin Aris, H. (2024). Kepentingan Menganalisis Status Perawi Hadis Dengan Neraca Ilmu Al-Jarh Wa Al-Ta'dil: Tumpuan Terhadap Status Periwiyatan Abu Hanifah: The importance of Analyzing the Status of Hadith Narrators Based on the Discipline of al-Jarh wa al-Ta'dil with A Focus on the Narration of Abu Hanifah. *Journal Of Hadith Studies*, 110-120.
- Azwani, K., & Mustapa, M. (2023). Kajian Penggunaan Kata-Kata Serapan dalam Bahasa Arab dan Pengaruhnya terhadap Bahasa Arab Moden: A Study on the Use of Loanwords in Arabic and their Influence on Modern Arabic. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(2), 57-63.
- Dutsima, A. M. (2025). The Science Of Hadith Criticism (Al-Jarh Wa Al-Ta 'Dil): A Noble Science For A Noble Course. *Al-Risalah: Jurnal Studi Agama dan Pemikiran Islam*, 16(1), 319-327.
- Gajah, A. S., Inayah, U. M., & Haryuni, N. D. (2023). Peranan Bahasa Arab Dalam Pengembangan Studi Islam. *Jurnal Ekshis*, 1(2), 61-69.
- Hamid, M. F. A., Halim, Z. A., & Yahaya, M. F. (2023). Kepentingan Ilmu Nahu dalam Memahami Teks Syarak [The Importance of The Science of Grammar (Ilmu Nahwu) in Understanding Syariah Texts]. *Malaysian Journal Of Islamic Studies (MJIS)*, 7(2), 87-94.
- Jamilin, A. K. (2017). Tasyaddud Abu Hatim Al-Raziy: Analisis Terhadap Perawi-Perawi Yang Dinilai Dengan Frasa *Ô€œ Celaya Bi Al-Qawiyâ€œ* Dan *Ô€œ Celaya Biqawiyâ€œ*. *Journal Of Hadith Studies*.
- Kharir, A. G., Maula, A., Chanina, I., & Kibtiana, A. N. (2025). Urgensi Ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil dalam Menyaring Hadis-Hadis Lemah dan Palsu. *Jurnal Study Islam*, 1(01), 53-61.
- Muda, T. F. M. T. (2017). Pengetahuan pelajar UniSZA terhadap istilah bahasa Arab dalam bidang fikah. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 2(1).
- Muhammad, A. (2005). Beberapa aspek keunikan dan keistimewaan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran. *Jurnal Teknologi E*, (42E), 61-76.
- Salim, L. (2015). Peranan Bahasa Arab Terhadap Ilmu Pengetahuan. *Jurnal Adabiyah*, 15(2), 172-180.
- Tangngngareng, T., Puyu, D. S., & Rayyn, I. G. B. A. P. (2021). Sejarah Dan Kaidah Jarh Wa Al-Ta'dil. *Ihyaussunnah: Journal of Ulumul Hadith and Living Sunnah*, 1(2), 142-163.
- Zin, S. M. M., Omar, H., Ishak, M. A., Nasir, M. N., & Omar, N. (2019). Pengaruh Kesiediaan Mental dan Emosi Terhadap Kecemerlangan dalam Pembelajaran Ulum Hadis di Kalangan Pelajar: Kajian Kes di KUIS: The Influence of Mental and Emotional Readiness on The Academic Excellenet of Learning Ulum Hadith Among Students: A Case Study in KUIS. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(2), 179-191.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.